

**KENYATAAN MEDIA****KERJA PEMBAIKAN JALAN DI PERSIARAN SUNGAI PINANG, PULAU INDAH, PELABUHAN KLANG AKAN DIMULAKAN SEGERA**

KUALA LUMPUR, 8 April 2026 – Perbadanan Aset Keretapi (RAC) mengambil maklum mengenai laporan dan rungutan daripada orang awam berhubung keadaan jalan di Persiaran Sungai Pinang, Pulau Indah, Pelabuhan Klang termasuk hantaran yang dimuat naik oleh ADUN Pelabuhan Klang, YB Azmizam Zaman Huri baru-baru ini.

Untuk makluman, Lintasan Rata Awam (LRA) di Get Cement Junction yang melalui Persiaran Sungai Pinang merupakan laluan utama yang menghubungkan kawasan Westport, Pulau Indah dan Pelabuhan Klang, Selangor. Jumlah keseluruhan panjang LRA tersebut adalah kira-kira 12 meter panjang dan terletak di laluan yang menampung aliran trafik yang tinggi setiap hari.

Hasil siasatan dan penilaian yang dijalankan mendapati isu yang dibangkitkan melibatkan kerosakan pada laluan LRA. Keadaan ini berpunca daripada kepadatan trafik yang tinggi, khususnya melibatkan kenderaan berat seperti lori kontena dan treler yang kerap melalui laluan berkenaan, sekali gus memberi tekanan berterusan kepada struktur permukaan lintasan serta menjejaskan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.

Sehubungan itu, RAC akan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf laluan LRA tersebut sebaik lantikan kontraktor selesai dilaksanakan yang mana kini di peringkat akhir. Langkah ini bagi meningkatkan tahap keselamatan pengguna serta memastikan kelancaran operasi rel di lokasi berkenaan. Manakala, bagi bahagian

jalan raya yang berada di luar kawasan LRA, kerja-kerja penambahbaikan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya (JKR).

Perbadanan ini komited untuk memastikan semua aset rel berada dalam keadaan selamat, berfungsi dengan baik dan memberi manfaat optimum kepada rakyat. RAC juga akan terus memperkukuh usaha penyelenggaraan secara proaktif dan responsif selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

- TAMAT -

PERBADANAN ASET KERETAPI

8 APRIL 2026

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak hak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

Pertanyaan Media:

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

29-1 | Sentral RAC | No.16 Jalan Tun Sambanthan | Brickfields

50470 Kuala Lumpur | Wilayah Kuala Lumpur | Malaysia

Tel : 03 - 7459 0200 | Faks : 03 - 7459 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | X : RailwayAssetsMY | Instagram : railwayassetscorporation

WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 : Laman Web: www.rac.gov.my

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan binti Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603 - 7459 0200 / 012 – 659 4256

No Faks: 603 - 7459 0222

Pegawai Komunikasi Korporat: Puan Amira Farahin binti Abdul Shukor

E-mel: amira.shukor@rac.gov.my

No Tel: 603 - 7459 0200 / 010 – 400 6707

No Faks: 603 - 7459 0222